

**KAJIAN TINJAUAN MENGENAI PERSEPSI DAN
TAHAP PENGETAHUAN MASYARAKAT
TERHADAP KEGANASAN RUMAH TANGGA**

DR. SITI HAJAR BINTI ABDUL RAUF (K)

DR. AZLINI BINTI CHIK

NORMALA BINTI RIZA

DR. SABRI BIN SULAIMAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Fenomena keganasan rumah tangga merupakan masalah sosial yang telah sebat dengan budaya dan kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Keganasan rumah tangga bukan sahaja menjadi satu masalah kekeluargaan tetapi merupakan satu jenayah dalam komuniti. Satu daripada tiga atau 30 peratus wanita di seluruh dunia melaporkan telah mengalami beberapa keganasan sama ada keganasan fizikal dan/atau seksual oleh pasangan sepanjang hidup. Dianggarkan 736 juta wanita di seluruh dunia menjadi mangsa keganasan rumah tangga seperti penderaan emosi, fizikal, dan seksual. Meskipun terdapatnya akta yang diluluskan, namun perkara ini masih terlihat membimbangkan. Ini kerana, statistik keganasan rumah tangga yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan kadar peningkatan yang sangat tinggi dan membimbangkan. Justeru, satu kajian telah dilakukan untuk mengetahui persepsi dan mengenalpasti tahap keganasan rumah tangga yang berlaku dalam negara. Perbezaan persepsi dan pengetahuan antara individu berkahwin dan belum berkahwin terhadap keganasan rumah tangga juga dianalisis bagi mencadangkan insiatif sosial sekaligus mengurangkan kadar keganasan rumah tangga yang berlaku. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada individu yang berumur 18 tahun ke atas di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Hasil kajian mendapati majoriti responden kajian ini mempunyai persepsi dan tahap pengetahuan yang tinggi terhadap isu keganasan rumah tangga (KRT). Bukan itu sahaja, hasil kajian yang diperolehi mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi dan tahap pengetahuan individu yang berkahwin dan belum berkahwin terhadap keganasan rumah tangga. Dapatan kajian yang diperolehi menggambarkan bahawa peningkatan kes keganasan rumah tangga yang berlaku adalah disebabkan oleh persepsi dan tahap pengetahuan masyarakat yang semakin meningkat. Ini menunjukkan terdapat peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk melaporkan kes keganasan rumah tangga kepada pihak berkuasa. Justeru, dicadangkan dua pendekatan iaitu pendekatan atas-bawah (top-down) dan pendekatan bawah-atas (bottom-up) bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran rakyat Malaysia terhadap isu keganasan rumah tangga (KRT) yang berlaku.